

## DIRECTOR PROFILE

profil pengarah



**Y. BHG. DATO' HAJI WAN HISHAM  
BIN DATO' WAN SALLEH**

Non-Independent Non-Executive Director  
*pengarah bukan bebas bukan eksekutif*

Chairman  
*pengerusi*

Y. Bhg. Dato' Haji Wan Hisham bin Dato' Wan Salleh, a Malaysian, aged 52, is Chairman of TDM Berhad.

He studied at University of East Anglia, Norwich, United Kingdom, where he obtained an Honors Bachelor Degree in Economic.

Y. Bhg. Dato' Haji Wan Hisham was appointed to the board on 15 April 2004 and served as Chairman since then. He is also the member of the Nomination and Remuneration committee.

He has 25 years of working experience in the construction and property development industry which included position as Chairman of GPQ Sdn. Bhd. and Director of Udabina Sdn. Bhd. He has previously served as Chairman of the Infrastructure Development, Public Utilities and Communications Committee for the Terengganu State Government.

He was appointed as Chairman of T-Best Events Sdn Bhd and Kelab Teluk Warisan Terengganu Sdn Bhd on 27 July 2005 and 28 August 2005 respectively. T-Best Events Sdn Bhd is the event manager for the Monsoon Cup which is part of the World Match Racing Tour International sailing circuit.

Y. Bhg. Dato' Haji Wan Hisham does not have any family relationship with any director and / or major shareholder of company, and has no conflict of interest which involves the company and / or its subsidiary companies. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

*Y. Bhg. Dato' Haji Wan Hisham bin Dato' Wan Salleh, warganegara Malaysia, berusia 52 tahun adalah merupakan Pengerusi TDM Berhad.*

*Beliau mengikuti pengajian di University of East Anglia, Norwich, United Kingdom dimana beliau telah memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi.*

*Y. Bhg. Dato' Haji Wan Hisham telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 15 April 2004 dan terus memegang jawatan sebagai Pengerusi bermula dari tarikh tersebut. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pemilihan dan Imbuan.*

*Beliau mempunyai pengalaman selama 25 tahun di dalam industri pembinaan serta pembangunan hartanah dan merupakan Pengerusi GPQ Sdn. Bhd dan Pengarah Udabina Sdn. Bhd. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi untuk Kerajaan Negeri Terengganu.*

*Beliau dilantik sebagai Pengerusi T-Best Events Sdn Bhd dan Kelab Teluk Warisan Terengganu Sdn Bhd masing-masing pada 27 Julai 2005 dan 28 Ogos 2005. T-Best Events Sdn Bhd adalah pengurus acara kejohanan Piala Monsun dimana acara tersebut merupakan sebahagian Kejohanan Perlumbaan Kapal Layar bertaraf Dunia.*

*Y. Bhg. Dato' Haji Wan Hisham tidak mempunyai sebarang saham atau kepentingan di dalam Syarikat dan mana-mana Syarikat di dalam kumpulan. Beliau tiada sebarang pertalian kekeluargaan dengan lain-lain pengarah dan/atau pemegang saham besar Syarikat mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau juga tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan undang-undang dalam masa sepuluh tahun lepas.*

## DIRECTOR PROFILE

profil pengarah

Y. Bhg. Dato' Haji Awl @ Alwi bin Said, a Malaysian, aged 60, is the Executive Director of TDM Berhad.

He Graduated with Bachelor of Arts (honors) from the University of Malaya. First appointed director of the Company on 27 April 2004.

He has 31 years of working experiences in KETENGAH, which held various positions including as an Administrative Officer and Chief Executive Officer or General Manager. In KETENGAH, he was responsible in the restructuring of its subsidiary companies and still remains on the board of some of these companies.

Y. Bhg Dato' Haji Alwi also served as an Administrative and Diplomatic Service and Administrative Officer in Felda.

Y. Bhg Dato' Haji Alwi does not have any family relationship with any director and / or major shareholder of company, and has no conflict of interest which involves the company and / or its subsidiary companies. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

*Y. Bhg. Dato' Haji Awl @ Alwi bin Said, warganegara Malaysia, berusia 60 tahun adalah merupakan Pengarah Eksekutif TDM Berhad.*

*Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kesusasteraan dari Universiti Malaya. Beliau dilantik sebagai Pengarah Syarikat pada 27 April 2004.*

*Beliau mempunyai pengalaman berkhidmat selama 31 tahun di KETENGAH dan telah menyanggah pelbagai jawatan termasuk sebagai Pegawai Tadbir dan Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurus Besar. Semasa di KETENGAH, beliau turut bertanggungjawab membantu penstrukturan semula syarikat-syarikat anak KETENGAH dan sehingga kini masih kekal menganggotai lembaga pengarah beberapa syarikat-syarikat anak tersebut.*

*Y. Bhg. Dato' Haji Alwi seterusnya turut berkhidmat di Felda dengan memegang jawatan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik serta Pegawai Pentadbiran.*

*Y. Bhg. Dato' Haji Alwi tidak mempunyai sebarang saham atau kepentingan di dalam Syarikat dan mana-mana Syarikat di dalam kumpulan. Beliau tiada sebarang pertalian kekeluargaan dengan lain-lain pengarah dan/atau pemegang saham besar Syarikat mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau juga tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan undang-undang dalam masa sepuluh tahun lepas.*



**Y. BHG. DATO' HAJI AWI @ ALWI  
BIN SAID**

Executive Director  
*pengarah eksekutif*

## DIRECTOR PROFILE

profil pengarah



**Y. BHG. DATO' SENARA MUDA**  
( DATO' MAZLAN @ MOHD NANRI  
BIN HASHIM )

Senior Independent Non-Executive Director  
*pengarah bebas bukan eksekutif kanan*

Y. Bhg. Dato' Senara Muda Dato' Mazlan, is Malaysian, aged 64, is the Senior Independent Non-Executive Director of TDM Berhad.

He graduated with a Bachelor Degree in Economics from University of Malaya, and with a Master Degree in Public Policy and Administration from the University of Wisconsin, United States of America.

First appointed director of the company on 8 February 2000 as Non-Independent Non-Executive Director and re-appointed as an Independent Non-Executive Director on 15 April 2004. He sits as Chairman of the Nomination and Remuneration Committee and also a member of the Audit Committee on 15 April 2004.

Currently, he is on the Board of two other public companies namely Golden Pharos Berhad and Permodalan Terengganu Berhad.

Y. Bhg. Dato' Senara Muda Dato' Mazlan was the Principal Assistant Secretary for the Ministry of Finance, Director of the Terengganu State Economic Planning Unit, the State Financial Officer and the State Secretary of the State Government of Terengganu.

Y. Bhg. Dato' Senara Muda Dato' Mazlan does not have any family relationship with any director and / or major shareholder of company, and has no conflict of interest which involves the company and / or its subsidiary companies. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

*Y. Bhg. Dato' Senara Muda Dato' Mazlan, warganegara Malaysia, berusia 64 tahun merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan TDM Berhad.*

*Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Polisi Awam dan Pentadbiran dari University of Wisconsin, Amerika Syarikat.*

*Mula dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Syarikat pada 8 Februari 2000 dan dilantik semula sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 15 April 2004. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan dan Imbuan serta turut dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit pada 15 April 2004.*

*Kini, beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah dua syarikat awam yang lain iaitu Golden Pharos Berhad dan Permodalan Terengganu Berhad.*

*Y. Bhg. Dato' Senara Muda Dato' Mazlan sebelum ini pernah menyandang jawatan Timbalan Setiausaha Utama Kementerian Kewangan, Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu, Pegawai Kewangan Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.*

*Y. Bhg. Dato' Senara Muda Dato' Mazlan tidak mempunyai sebarang saham atau kepentingan di dalam Syarikat dan mana-mana Syarikat di dalam kumpulan. Beliau tiada sebarang pertalian kekeluargaan dengan lain-lain pengarah dan/atau pemegang saham besar Syarikat mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau juga tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan undang-undang dalam masa sepuluh tahun lepas.*

## DIRECTOR PROFILE

profil pengarah

Y. Bhg Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman, a Malaysian, aged 64, is Independent Non-Executive Director TDM Berhad.

He is a graduate in Malay Studies from the University of Malaya. He was appointed to the Board on 15 April 2004 and also a member of Audit Committee and the Nomination and Remuneration Committee.

Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria had previously served in the Terengganu State Civil Service, as the political Secretary to the Terengganu Chief Minister and as an Executive Committee member in the Terengganu State of Government.

Presently, Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria holds the position of Chairman of State Farmers Association and Jasa Marine Sdn. Bhd. and a board member of TH Plantations Berhad.

Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria does not have any family relationship with any director and / or major shareholder of company, and has no conflict of interest which involves the company and / or its subsidiary companies. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

*Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman, warganegara Malaysia, berusia 64 tahun, merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TDM Berhad.*

*Beliau adalah graduan Kesusasteraan Melayu dari Universiti Malaya. Beliau telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah, ahli Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Pemilihan dan Imbuhan pada 15 April 2004.*

*Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria pernah berkhidmat didalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Terengganu sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Terengganu dan ahli Jawatankuasa Eksekutif Kerajaan Negeri Terengganu.*

*Kini, Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria memegang jawatan Pengerusi Persatuan Peladang Negeri dan Jasa Marine Sdn Bhd serta turut menganggotai Lembaga Pengarah TH Plantations Berhad.*

*Y. Bhg. Dato' Haji Wan Zakaria tidak mempunyai sebarang saham atau kepentingan di dalam Syarikat dan mana-mana Syarikat di dalam kumpulan. Beliau tiada sebarang pertalian kekeluargaan dengan lain-lain pengarah dan/atau pemegang saham besar Syarikat mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau juga tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan undang-undang dalam masa sepuluh tahun lepas.*



**Y. BHG. DATO' HAJI WAN ZAKARIA  
BIN ABD RAHMAN.**

Independent Non-Executive Director  
*pengarah bebas bukan eksekutif*

## DIRECTOR PROFILE

profil pengarah



**YB DATO' HAJI MOHTAR  
BIN NONG**

Non-Independent Non-Executive Director  
*pengarah bukan bebas bukan eksekutif*

YB Dato' Haji Mohtar bin Nong, a Malaysian, aged 54, is the Non-Independent Non- Executive Director of TDM Berhad.

YB Dato' Haji Mohtar graduated with a Bachelor Degree in Economic from University Kebangsaan Malaysia and a Master in Business Administration from Dubuque University, Iowa, United State of America.

In 1977, he joined the Terengganu state Government and served various positions including as the General Manager for Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu in year 2000.

He is currently the state's Secretary of Terengganu and he also sits on the boards of several public companies including Permodalan Terengganu Berhad, Wellcall Holdings Berhad and Astino Berhad.

First appointed director of TDM on 29 September 2004 as Non-Independent Non-Executive Director.

YB Dato' Haji Mohtar does not have any family relationship with any director and / or major shareholder of company, and has no conflict of interest which involves the company and / or its subsidiary companies. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

*YB Dato' Haji Mohtar bin Nong, warganegara Malaysia, berusia 54 tahun, adalah Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif TDM Berhad.*

*YB Dato' Haji Mohtar memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Dubuque University, Iowa, Amerika Syarikat.*

*Pada tahun 1977, beliau telah menyertai Kerajaan Negeri Terengganu dimana beliau telah memegang pelbagai jawatan termasuk sebagai Pengurus Besar Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu dalam tahun 2000.*

*Kini, beliau merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu serta menganggotai Lembaga Pengarah beberapa syarikat awam termasuk Permodalan Terengganu Berhad, Wellcall Holdings Berhad dan Astino Berhad.*

*Mula dilantik sebagai Pengarah TDM pada 29 September 2004 sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif.*

*YB Dato' Haji Mohtar tidak mempunyai sebarang saham atau kepentingan di dalam Syarikat dan mana-mana Syarikat di dalam kumpulan. Beliau tiada sebarang pertalian kekeluargaan dengan lain-lain pengarah dan/atau pemegang saham besar Syarikat mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau juga tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan undang-undang dalam masa sepuluh tahun lepas.*

## DIRECTOR PROFILE

profil pengarah

Tuan Haji Abd. Jalil bin Ali, a Malaysian, aged 68, is Independent Non-Executive Director TDM Berhad.

Tuan Haji Abd. Jalil is a member of the Malaysian Institute of Accountant (MIA) and the Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA).

He has vast experience in corporate financing, being an Accountant in the Terengganu State Economic Development Corporation, an Accountant in Malayawata Steel Berhad and is currently in public practice.

First appointed director of TDM on 28 January 2003 and he is currently a Chairman of Audit Committee.

Tuan Haji Abd. Jalil does not have any family relationship with any director and / or major shareholder of company, and has no conflict of interest which involves the company and / or its subsidiary companies. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

*Tuan Haji Abd. Jalil bin Ali, warganegara Malaysia, berusia 68 tahun adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TDM Berhad.*

*Tuan Haji Abd. Jalil merupakan ahli Institut Perakaunan Malaysia (MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).*

*Beliau mempunyai pengalaman kerja yang luas didalam kewangan korporat, berkhidmat sebagai Akauntan di Perbadanan Memajukan Ekonomi Negeri Terengganu, Akauntan di Malayawata Steel Berhad dan kini didalam praktis awam.*

*Beliau telah dilantik sebagai Pengarah TDM pada 28 Januari 2003 dan merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit.*

*Tuan Haji Abd. Jalil tidak mempunyai sebarang saham atau kepentingan di dalam Syarikat dan mana-mana Syarikat di dalam kumpulan. Beliau tiada sebarang pertalian kekeluargaan dengan lain-lain pengarah dan/atau pemegang saham besar Syarikat mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau juga tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan undang-undang dalam masa sepuluh tahun lepas.*



**TUAN HAJI ABD. JALIL BIN ALI**

Independent Non-Executive Director  
*pengarah bebas bukan eksekutif*

## DIRECTOR PROFILE

profil pengarah



**Y. BHG. DATO' HAJI ZAKARIA  
BIN AWANG**

Non-Independent Non-Executive Director  
*pengarah bukan bebas bukan eksekutif*

Y. Bhg. Dato' Haji Zakaria bin Awang, a Malaysian, aged 55, is Non-Independent Non-Executive Director of TDM Berhad.

He graduated with a Bachelor Degree Social Sciences (Economics) and Master of OXCEL in Business Administration (Oxford, U.K.). He had served in various private companies including as Assistant Director of the Terengganu State Economic Planning Unit (UPEN), Managing Director of Pesama Timber Corporation (a subsidiary of PMINT) and Executive Director of GPQ Sdn. Bhd. (a subsidiary of PMINT).

First appointed director of the Company on 15 April 2004. He is presently the General Manager of Terengganu State Economic Development Corporation.

Y. Bhg. Dato' Haji Zakaria does not have any family relationship with any director and / or major shareholder of company, and has no conflict of interest which involves the company and / or its subsidiary companies. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

*Y. Bhg. Dato' Haji Zakaria bin Awang, warganegara Malaysia, berusia 55 tahun, merupakan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif TDM Berhad.*

*Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Sosial (Ekonomi) dan Ijazah Sarjana OXCEL dalam Pentabiran Perniagaan (Oxford, U.K.). Beliau telah berkhidmat di pelbagai syarikat swasta termasuk menyandang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN), Pengarah Urusan di Pesama Timber Corporation (syarikat anak PMINT) dan Pengarah Eksekutif GPQ Sdn. Bhd. (syarikat anak PMINT).*

*Beliau mula dilantik sebagai Pengarah Syarikat pada 15 April 2004. Beliau sekarang merupakan Pengurus Besar Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu ("PMINT").*

*Y. Bhg. Dato' Haji Zakaria tidak mempunyai sebarang saham atau kepentingan di dalam Syarikat dan mana-mana Syarikat di dalam kumpulan. Beliau tiada sebarang pertalian kekeluargaan dengan lain-lain pengarah dan/atau pemegang saham besar Syarikat mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau juga tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan undang-undang dalam masa sepuluh tahun lepas.*

## DIRECTOR PROFILE

profil pengarah

Encik Mohamad Abdul Halim bin Ahmad, a Malaysian, aged 48, is Independent Non-Executive Director of TDM Berhad.

He graduated from Imperial College, University of London with a First Class Honors Degree in Civil Engineering. He holds an Associateship of the City & Guilds Institute (ACGI) and is a member of the Institute of Chartered Accountants of England & Wales and the Malaysian Institute of Accountants.

Encik Mohamad Abdul Halim formerly served as Audit Trainee of Arthur Anderson & Co. (London Office) in 1982 and qualified as Chartered Accountant (ACA) in 1985. In 1986, he was transferred to Arthur Anderson & Co. Kuala Lumpur office. He joined Amanah Merchant Bank Berhad as its Senior Manager, Finance in 1987 and thereafter joined Landmarks Berhad as the General Manager of Finance in 1988.

He has been Managing Director of Saujana Resort (M) Berhad, Managing Director of Landmarks Berhad and Managing Director of CapitalLand Amanah Pte Ltd (a member of CapitalLand). He has also served on the Board of Saujana Consolidated Berhad.

He is currently a member of the Board of Saujana Resort (M) Berhad and is the Group Chief Executive Officer of Peremba (Malaysia) Sdn Bhd.

He was first appointed to the Board of TDM as Independent Non-Executive Director on 22 November 2004. He also sits as a member of the Audit Committee since 21 February 2005.

Encik Mohamad Abdul Halim does not have any family relationship with any director and/or major shareholder of company, and has no conflict of interest which involves the company and/or its subsidiary companies. He has not been convicted for any offences within the past ten years.



**ENCIK MOHAMAD ABDUL HALIM  
BIN AHMAD**

Independent Non-Executive Director  
*pengarah bebas bukan eksekutif*



 **DIRECTOR PROFILE**  
profil pengarah

*Encik Mohamad Abdul Halim bin Ahmad, warganegara Malaysia, berusia 48 tahun, adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TDM Berhad.*

*Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama Kejuruteraan Awam dari Imperial College-University of London. Beliau memiliki Keahlian Bersekutu City & Guilds Institute of Chartered Accountant (ACA), Institute of Chartered Accountants of England & Wales. Beliau juga merupakan ahli Institut Perakaunan Malaysia (MIA).*

*Encik Mohamad Abdul Halim pernah berkhidmat di Arthur Andersen & Co. (Cawangan London) sebagai Pelatih Audit dalam tahun 1982 dan berkecualan sebagai Akauntan Bertauliah pada tahun 1985. Beliau seterusnya ditukarkan ke Arthur Andersen & Co. Kuala Lumpur dalam tahun 1986. Beliau menyertai Amanah Merchant Bank Berhad sebagai Pengurus Kanan, Kewangan pada tahun 1987 dan seterusnya berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kewangan di Landmarks Berhad pada tahun 1988.*

*Beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Saujana Resort (M) Berhad, Landmarks Berhad dan CapitalLand Amanah Pte Ltd (ahli syarikat CapitalLand). Beliau juga turut menganggotai Lembaga Pengarah Saujana Consolidated Berhad.*

*Kini, beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah Saujana Resort (M) Berhad dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Paremba (Malaysia) Sdn Bhd. Beliau telah menganggotai Lembaga Pengarah TDM sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 22 November 2004. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit sejak 21 Februari 2005.*

*Encik Mohamad Abdul Halim tidak mempunyai sebarang saham atau kepentingan di dalam Syarikat dan mana-mana Syarikat di dalam kumpulan. Beliau tiada sebarang pertalian kekeluargaan dengan lain-lain pengarah dan/atau pemegang saham besar Syarikat mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau juga tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan undang-undang dalam masa sepuluh tahun lepas.*

## DIRECTOR PROFILE

profil pengarah

Professor Dr. Mohd Azmi Bin Mohd Lila, a Malaysian, aged 44 was appointed on 18 January 2008.

He obtained his degree in Doctor of Veterinary Medicine from UPM in 1988 and PhD in Virology/Immunology from University of Cambridge, United Kingdom in 1994. Later, he obtained Master of Business Administration (MBA) majoring in Finance (UPM, 2001) and Master of Law (LL.M) majoring in Business Law (IIUM, 2006).

Professor Dr. Mohd Azmi has an extensive experience in biotechnology and other disciplines of life sciences, including healthcare and livestock. He has been very active in R&D and innovation, and well known for handling of issues related to intellectual property, product commercialization, business development and investment. He has won many awards, locally and internationally, including Gold Medal at Geneva International Exhibition of Inventions and the Honouree Award for The Outstanding Young Malaysian Award (TQYM).

Currently, Professor Dr Mohd Azmi is attached to Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Sdn Bhd as Director/Head of Investment, and also served as a board Member (Non-Executive Director) of INS Bioscience Bhd.

Professor Dr. Mohd Azmi Bin Mohd Lila does not have any family relationship with any director and/or major shareholder of company, and has no conflict of interest which involves the company and/or its subsidiary companies. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

*Professor Dr. Mohd Azmi bin Mohd Lila, warganegara Malaysia, berusia 44 tahun, telah dilantik pada 18 Januari 2008.*

*Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan Veterinar dari UPM pada tahun 1988 dan Doktor Falsafah dalam Virology / Immunology dari University of Cambridge, United Kingdom dalam tahun 1994. Kemudian, beliau memperolehi Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan pengkhususan Kewangan (UPM, 2001) dan Ijazah Sarjana Undang-Undang pengkhususan Undang-Undang Perniagaan (UIAM, 2006).*

*Beliau seorang yang berpengalaman luas dalam bioteknologi dan disiplin-disiplin lain berkaitan sains hayat, termasuk penjagaan kesihatan dan ternakan. Beliau juga sangat aktif dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi, serta amat dikenali dalam pengendalian isu-isu berkaitan harta intelek, pengkomersialan produk, pembangunan perniagaan dan pelaburan.*

*Beliau telah memenangi banyak anugerah, di peringkat Malaysia dan antarabangsa, termasuk Pingat Emas di Pameran Antarabangsa Reka Cipta di Geneva dan "Honouree Award for The Outstanding Young Malaysian Award (TOYM).*

*Pada masa ini, beliau adalah Pengarah/Ketua Bahagian Pelaburan di Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Sdn Bhd dan turut menganggotai Lembaga Pengarah (Pengarah Bukan Eksekutif) INS Bioscience Bhd.*


*Professor Dr. Mohd Azmi tidak mempunyai sebarang saham atau kepentingan di dalam Syarikat dan mana-mana Syarikat di dalam kumpulan. Beliau tiada sebarang pertalian kekeluargaan dengan lain-lain pengarah dan/atau pemegang saham besar Syarikat mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau juga tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan undang-undang dalam masa sepuluh tahun lepas.*



**PROFESSOR DR. MOHD AZMI BIN MOHD LILA**

Independent Non-Executive Director  
*pengarah bebas bukan eksekutif*

## ▶ CHAIRMAN STATEMENT



# NURTURING CULTURE OF EXCELLENCE

*Improving our business performance and focusing on execution excellence.*





## CHAIRMAN'S STATEMENT

penyata pengerasi

### **Dear Shareholders,**

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Forty-Third Annual Report and Audited Financial Statements of TDM Berhad for financial year ended 31 December 2007.

### **Financial Performance**

For the year in review, Group revenue was RM267.1 million, up 37.4% from RM194.5 million in 2006. Pre-tax profit of RM59.9 million was a 119% jump from RM27.3 million for the corresponding period last year. The better performance can be attributed to an increase in the average Fresh Fruit Bunches ("FFB") yield and higher Crude Palm Oil ("CPO") prices and, improved profitability from the healthcare division.

### ***Pemegang Saham Yang Dihargai,***

*Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Keempat Puluh Tiga dan Penyata Kewangan Teraudit TDM Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.*

### ***Prestasi Kewangan***

*Bagi tahun yang dilaporkan, Kumpulan memperoleh hasil berjumlah RM267.1 juta, iaitu kenaikan 37.4% berbanding RM194.5 juta pada 2006. Keuntungan sebelum cukai RM59.9 juta yang dicatatkan menandakan kenaikan 119% daripada RM27.3 juta berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Prestasi lebih baik tersebut dicapai disebabkan oleh peningkatan hasil pulangan Tandan Buah Segar ("TBS"), harga Minyak Sawit Mentah ("MSM") yang lebih tinggi dan keuntungan lebih tinggi daripada Bahagian Penjagaan Kesihatan.*

## CHAIRMAN'S STATEMENT

penyata pengerusi



### **Plantation Division**

The Plantation Division recorded a profit of RM45.6 million, compared with RM16.1 million in the previous year, on the back of revenue of RM190.7 million (2006 : RM123.7 million). The upturn in performance was due to an increase in average FFB yield and CPO prices.

The former witnessed a 13% improvement in productivity, from 15.33 metric tonne per hectare in 2006 to 17.32 metric tonne per hectare last year giving a total FFB yield of 515,893 metric tonne, versus 459,870 metric tonne for the same period last year.

Higher CPO prices, which averaged at RM2,145 per metric tonne, also aided the division's performance. This was a 43% jump from the 2006 price level.

### ***Bahagian Perladangan***

*Bahagian Perladangan mencatatkan keuntungan RM45.6 juta berbanding RM16.1 juta pada tahun sebelumnya, berasaskan hasil RM190.7 juta (2006: RM123.7 juta). Prestasi lebih memberangsangkan ini disebabkan oleh peningkatan hasil pulangan purata TBS dan harga MSM.*

*Peningkatan produktiviti 13% dilaporkan bagi TBS, daripada 15.33 tan metrik sehektar pada 2006 kepada 17.32 tan metrik sehektar tahun lepas, menghasilkan pulangan TBS berjumlah 515,893 tan metrik berbanding 459,870 tan metrik pada tempoh yang sama tahun lepas.*

*Harga MSM yang lebih tinggi pada purata mencecah RM2,145 setan metrik, iaitu kenaikan 43% berbanding tahap harga 2006 juga membantu meningkatkan prestasi bahagian.*



## CHAIRMAN'S STATEMENT

penyata pengerusi



### Healthcare Division

The three medical centres under the Healthcare Division; Kelana Jaya Medical Centre, Kuantan Medical Centre and Kuala Terengganu Specialist Hospital, combined to notch up total revenue of RM42.4 million, up 35.7% from RM31.3 million. Profit at RM3.0 million was 423.1% higher than the losses of RM0.9 million reported for the same period last year. The turnaround shows that the many measures instituted in the previous year, in particular in the two older hospitals, to enhance efficiency towards better customer satisfaction and the expansion into broader medical specialists services, are bearing fruit. And at just a year and a half old, the Kuala Terengganu Specialist Hospital has already expanded to an additional wing and more services to meet increasing demand.

### Bahagian Penjagaan Kesihatan

*Tiga pusat perubatan di bawah kendalian Bahagian Penjagaan Kesihatan terdiri daripada Pusat Perubatan Kelana Jaya; Pusat Perubatan Kuantan dan Hospital Pakar Kuala Terengganu, yang secara teragabung mencatatkan hasil berjumlah RM42.4 juta, kenaikan 35.7% berbanding RM31.3 juta pada tahun sebelumnya. Keuntungan RM3.0 juta yang dicatat adalah 423.1% lebih tinggi daripada kerugian berbanding RM0.9 juta yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun lepas. Pemulihan prestasi ini menunjukkan bahawa pelbagai langkah yang diambil pada tahun sebelumnya untuk meningkatkan kecekapan terutamanya di dua hospital sedia ada kini membuah hasil dengan memperbaiki kecekapan dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Walaupun baru berusia satu setengah tahun, Hospital Pakar Kuala Terengganu telah menambah satu lagi sayap dan menyediakan lebih banyak perkhidmatan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat.*

## CHAIRMAN'S STATEMENT

penyata pengerusi



### Food Division

The Food Division, with its focus on integrated poultry farming, managed to cut its losses down by 29.6% to RM3.2 million, compared with losses of RM4.6 million in the previous 12 months. Revenue was 13.7% higher at RM31.4 million, against RM27.6 million in 2006. The improved performance can be attributed to an improved in production yield and efficiency, cost reduction activities and changes in marketing strategies by selling higher value added and better product mix. The efforts and measures will continue to be taken to turn the division around.

### Bahagian Pemakanan

*Bahagian Makanan, yang memberi tumpuan terhadap penternakan ayam bersepadu, berjaya mengurangkan kerugian sebanyak 29.6% kepada RM3.2 juta, berbanding kerugian RM4.6 juta dalam tempoh 12 bulan lepas. Hasil RM31.4 juta yang diperolehi adalah 13.7% lebih tinggi berbanding RM27.6 juta pada 2006. Prestasi yang meningkat ini dicatat berasaskan peningkatan hasil pengeluaran dan efisiensi, aktiviti pengurangan kos dan perubahan dalam strategi pemasaran dengan menghasilkan nilai tambah lebih tinggi dan campuran produk yang lebih baik. Usaha dan langkah akan terus diambil untuk memulihkan prestasi bahagian ini.*





## CHAIRMAN'S STATEMENT

penyata pengerusi

### Employees' Welfare

The Group believes in investing in its employees, from their welfare and skills training and competency upgrades to ensuring that occupational health and safety ("OHS") are diligently practiced at work. Towards this end, in-house and external training remain an ongoing corporate commitment. The introduction of specialised management schemes such as the 'Six Sigma' programme has brought beneficial changes to employees and their working environment. To further enhance staff's managerial skills, a scholarship scheme whereby five scholarships will be provided annually for postgraduate studies is now on the drawing board.

In the area of our plantation workers' welfare and cognizant of their housing needs, RM4 million per year has been set aside for the next two years, for housing facilities to replace the current wooden abodes with modern infrastructure and amenities.

To encourage greater staff commitment and participation in the different businesses, an employees' share option scheme ("ESOS") was implemented in the first quarter of the new financial year, to enable eligible employees to subscribe for new ordinary shares in the company at a specified price.

### Kebajikan Kakitangan

*Kumpulan yakin bahawa pelaburan dalam kakitangannya akan membawa manfaat. Antara langkah yang diambil termasuk usaha menjaga kebajikan mereka, memberikan latihan kemahiran, menaik taraf kecekapan dan menjamin kesihatan dan keselamatan pekerjaan ("KKP") di tempat kerja. Untuk tujuan ini, komitmen terus diberikan terhadap latihan dalaman dan luar. Langkah memperkenalkan skim pengurusan khas seperti program 'Six Sigma' telah mencetus perubahan bermanfaat kepada kakitangan dan persekitaran kerja mereka. Untuk meningkatkan lagi kemahiran pengurusan kakitangan, skim biasiswa sedang disusun untuk menawarkan lima biasiswa setiap tahun untuk pengajian pasca siswazah.*

*Demi menjaga kebajikan pekerja-pekerja ladang, sebanyak RM4 juta setahun telah diperuntukkan dan akan disalurkan dalam tempoh dua tahun akan datang, untuk membina kemudahan perumahan bagi menggantikan rumah kayu dengan infrastruktur dan prasarana moden, kerana Kumpulan sedar kakitangan memerlukan kediaman yang lebih baik.*

*Untuk menggalakkan komitmen dan penyertaan lebih giat daripada kakitangan dalam perniagaan berbeza, skim opsyen saham kakitangan ("ESOS") telah dilaksanakan pada suku pertama tahun kewangan baru untuk membolehkan kakitangan yang layak melanggan saham biasa baru dalam syarikat pada harga yang ditetapkan.*



## CHAIRMAN'S STATEMENT

penyata pengerusi



### Dividends

The Board of Directors is pleased to recommend for shareholders' approval at the forthcoming 43rd Annual General Meeting, a final dividend of 5.5 sen net per ordinary share.

### Outlook for 2008

Currently, the Group have 3 core businesses i.e. plantation, healthcare and integrated poultry farming (food). However, the Group are continuing with the effort to further streamline the business. Eventually, the Group will exclusively focus on palm oil plantation and its related activities.

Despite the threat of a US recession, there is still strong demand for palm oil and the continued trend in the strong Crude Palm Oil prices bodes well for improved earnings from the division. In addition, we will actively seek opportunities, domestically and across borders, to expand our footprint towards achieving greater acreage and in the mid to long-term, higher yields.

For the Healthcare Division, all three hospitals will look to build on the improvements now in place to continue delivering efficient and quality services so as to stand out as the medical centre of choice in their respective community and the surrounding locales. With this objective in mind, the division should be able to further improve its profitability in the year ahead.

In tandem with the overall progress of the company, we will continue to seek measure to turnaround our food division. Barring any unforeseen circumstances, overall, we are confident 2008 will deliver better performances and results.



## CHAIRMAN'S STATEMENT

penyata pengerusi

### Dividen

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mengesyorkan pembayaran dividen akhir 5.5 sen bersih sesaham biasa untuk diluluskan pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan Ke-43.

### Tinjauan bagi 2008

Pada masa ini, Kumpulan mempunyai 3 perniagaan teras iaitu perladangan, penjagaan kesihatan dan penternakan ayam bersepadu (makanan). Walaubagaimanapun, Kumpulan akan terus dengan usaha untuk memperkemarkan teras perniagaan Kumpulan. Akhirnya, Kumpulan akan memfokuskan secara eksklusif kepada perladangan kelapa sawit dan aktiviti berkaitan dengannya.

Walaupun arus kemelesetan mungkin melanda Amerika Syarikat, masih terdapat permintaan kukuh bagi minyak sawit dan trend harga Minyak Sawit Mentah yang tinggi merupakan perkembangan positif yang berpotensi menghasilkan keuntungan lebih tinggi bagi bahagian ini. Tambahan lagi, kami akan terus meneroka peluang di dalam dan luar negara untuk mengembangkan perniagaan sambil memperluas kawasan tanah dan juga mencatatkan pulangan lebih tinggi dalam jangka pertengahan hingga panjang.

Bagi Bahagian Penjagaan Kesihatan, ketiga-tiga hospital akan terus menambah baik operasi untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkualiti supaya menjadi pusat perubatan pilihan masyarakat dan kawasan sekitar. Dengan memenuhi matlamat ini, bahagian tersebut akan dapat mempertingkatkan tahap keuntungannya pada tahun yang mendatang.

Seiring dengan kemajuan berterusan syarikat, kami akan terus berusaha untuk mengukuhkan operasi bahagian makanan kami.

Jika tiada aral, secara keseluruhan, kami yakin bahawa prestasi dan persembahan yang lebih baik dapat dicatatkan pada 2008.



## CHAIRMAN'S STATEMENT

penyata pengerusi

### Acknowledgements

On behalf of the Board, I would like to express our gratitude and appreciation to our shareholders, associates, the Terengganu State Government and relevant authorities and other stakeholders for their continued understanding, support and confidence in the Group.

To the management and staff, your dedication and hard work throughout the year is acknowledged and much appreciated.

And to my fellow Directors, thank you for your support and counsel.

### Pengiktirafan

*Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang saham, rakan sekutu, Kerajaan Negeri Terengganu dan pihak berkuasa yang berkenaan dan juga pemegang kepentingan lain kerana keprihatinan, sokongan dan keyakinan mereka terhadap Kumpulan.*

*Kepada kakitangan dan pihak pengurusan, dedikasi dan kerja keras anda sepanjang tahun diikrifi dan amat dihargai.*

*Akhir sekali kepada rakan Pengarah saya, terima kasih kerana sokongan dan nasihat yang anda berikan.*



  
Y.Bhg. DATO' WAN HISHAM BIN DATO' WAN SALLEH  
Chairman

## FINANCIAL HIGHLIGHTS

fakta kewangan penting

### 2007: Significant Financial Improvement




Revenue



Net Earnings



EPS



Gross Dividend

#### Five-Year Group Financial Highlights

	2003	2004	2005	2006	2007
Profit after tax (RM' Million)	16,524	15,645	16,440	15,972	39,731
Earnings per share (Sen)	6.94	7.00	7.69	7.18	17.71
Dividend per share - Gross (Sen)	-	-	-	2.74	*7.43
Total equity (RM' Million)	438,827	454,469	471,389	492,426	528,669
Minority interest (RM' Million)	6,619	7,166	7,521	8,009	15,853
Total assets (RM' Million)	676,002	758,169	737,988	766,628	790,966
Total liabilities (RM' Million)	237,175	303,700	266,599	274,202	262,297
Year-end closing share price (RM)	0.95	0.90	0.78	0.94	2.26


\*proposed

# FINANCIAL HIGHLIGHTS


fakta kewangan penting



## Group Segmental Analysis



- Plantation
- Healthcare
- Food
- Other




**FINANCIAL HIGHLIGHTS**  
 fakta kewangan penting

## Statement of Value Added


<b>Value Added</b>	<b>2007</b>
	<b>RM'000</b>
Revenue	267,127
Purchase of goods and services	(151,583)
Value added by the Group	115,544
Other operating income	8,644
Finance expense	(502)
<b>Value added available for distribution</b>	<b>123,686</b>
<b>Distribution</b>	
To Employees	
Employment cost	14,310
To Government	
Taxation	20,213
To Shareholders	
Dividends	*11,850
Minority interest	1,561
Retained for re-investment	
Depreciation / Amortisation	15,031
Retained for future growth	
Retained profit	60,721
<b>Total distributed</b>	<b>123,686</b>

\*proposed

# FINANCIAL HIGHLIGHTS


fakta kewangan penting

## Distribution of Value Added



## Share Price

### 2007 Monthly Highest-Lowest Share Price






## FINANCIAL HIGHLIGHTS

fakta kewangan penting

### Market Capitalisation (RM'Million)



## BUSINESS REVIEW ◀

In a globalise and ever challenging economy, TDM Berhad has moved forward to enrich the communities and nurture the environment. Since its conception in 1965, TDM has soared into the millennium as a pioneering producer of crude palm oil and palm kernels in the country. The Group are concentrating on the three main divisions, mainly plantation, healthcare and food division.



### **Plantation Division**

Plantation Division is the core business of TDM Berhad and been planned for further expansion through acquisition of land, interactively. Our division has accumulated vast experience and expertise in the palm oil industry to propel the company into a leading plantation company with strong growth and long term returns through efficient and effective management.

In the effort to strive for growth and excellence in sustainable plantation business, we will always be diligent to pursue our strength and continuously improve our operations to increase efficiency and productivity. On top of this, we will also create an effective management culture where productivity and quality remains the corner stone of the company's. Besides, we will create a challenging and rewarding work environment to ensure a positive, productive and innovative organizational climate that encourage more actions and set the commitment to improve total quality of life and environment.

Our objective is to increase productivity by half and the land bank by more than percent in five year period (2008-2013) by developing and managing additional 40,000 hectares of plantation land bank. With the land acquisition, the volume of Fresh Fruit Branch (FFB) production will be reaching to approximately over 1,025,000 metric tone per year by 2013 onwards with turnover of over RM400 million and by 2020 projected FFB production at approximately 2,000,000 metric tone with turnover of over RM 1.4 billion.

## ► BUSINESS REVIEW

### Healthcare Division

The Healthcare Division now operates with three hospitals. Our hospitals are Kelana Jaya Medical Centre (KJMC) which located along the LDP (Damansara – Puchong Highway), Kuantan Medical Centre (KMC) which located in the heart of Kuantan Township and Kuala Terengganu Specialist Hospital (KTS) which situated at Jalan Kamaruddin, Kuala Terengganu.

The Healthcare Division is inspired by the twin aspirations of business interest and social responsibility, the board and staffs are dedicating themselves to provide specialist treatment and care of the patients. Our hospitals are equipped with the state-of-the-art facilities and equipment to ensure the customers' satisfaction.

We promise the "Service without Boundary" as all individuals will be treated equally, without prejudice of their economic status to the services rendered will be valued for money. The centers are equipped with dedicated medical personnel who provide services which include out-patient treatment for walk-in patients and minor procedures. Our emergency departments operate twenty-four (24) x seven (7) days and equipped with ambulance that responds to emergency as well as non-emergency calls.

We offer a full range of services ranging from the specialties of General Medicine, Paediatrics, Orthopaedics, General Surgery, Radiology, Obstetric and Gynaecology, ENT, Physiotherapy and Psychiatry. We also provide a comprehensive range of specialists from Physician, Paediatrician, Orthopaedic Surgeon, Radiologist, Obstetric and Gynaecologist and Urologist together with a wide range of supporting services for the benefit of its customers. We also offer a wide range of healthcare services from medical check-up to all types of surgeries.

Our division stands on a high quality care at an affordable price provided by the hospital. We believe in providing affordable services, in line with the government's call to reduce the price of healthcare. Work ethics has always been emphasized in each hospital and it is expected that we will prevail standing on this platform.

The secret to our division outstanding record is very much due to the exceptional level of human touch given by the medical team. Therefore, with the support of this dedicated and diligent management and operation staff, our division is expected to soar high in the healthcare industry in coming future.

## BUSINESS REVIEW ◀

### Food Division

TD Poultry was incorporated in Terengganu in 1995 as our food division arm. With the vision to be a well established group of companies in agro-based activities, TD Poultry is poised to take on the challenge to be a premier poultry in the East Coast Region.

One of the major tasks for TD Poultry is to establish and meet the demand for HALAL poultry meat in the local market. With the growing demands for HALAL meat supply in country, TD Poultry will surely emerge as the premier producer in the HALAL market.

TD Poultry forecasts its production to increase 300,000 birds per month by December 2008. Currently its production is 230,000 birds per month. By the end of 2009, TD Poultry plans to produce more than 500,000 birds per month for the local consumption.

Our goal is to produce chicken of the highest quality at competitive price. We continually seek to discover new and innovative ways to improve the quality and health of our livestock.



## ► PENILAIAN PERNIAGAAN

TDM Berhad kini melangkah kian maju ke hadapan dalam zaman yang serba mencabar untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti dan memelihara alam sekitar. Sejak penubuhannya pada tahun 1965, TDM terus berkembang sebagai pelopor bagi membekalkan minyak sawit mentah dan isirong kelapa sawit di negara ini. Kami memberikan penumpuan terhadap tiga bidang utama iaitu Bahagian Perladangan, Bahagian Penjagaan Kesihatan dan Bahagian Pemakanan.

### **Bahagian Perladangan**

Bahagian Perladangan merupakan perniagaan teras bagi TDM Berhad dan telah merancang untuk melebarkan sayap melalui pemerolehan tanah secara interaktif. Kami mempunyai pengalaman dan kemahiran yang luas dalam industri kelapa sawit untuk meneraju ke arah sebuah syarikat perladangan yang memberikan pulangan dan kemajuan dalam jangka masa panjang dengan pengurusan yang cekap dan efektif. Memperbaharui dan merangka strategi bagi meningkatkan keberkesanan dan produktiviti. Kami juga mewujudkan budaya pengurusan efektif yang mengekalkan produktiviti dan kualiti sebagai teras dalam operasi syarikat. Selain daripada itu, kami turut mewujudkan suasana kerja yang mencabar dan dihargai bagi memastikan struktur organisasi yang positif, produktif dan inovatif yang dapat mendorong kepada peningkatan prestasi serta kualiti kehidupan dan alam sekitar.

Matlamat kami adalah untuk meningkatkan produktiviti dan bank tanah dua kali ganda dalam tempoh lima tahun (2005–2010) dengan membangunkan tambahan sebanyak 66,000 hektar bank tanah perladangan.

Dalam usaha ke arah kecemerlangan perniagaan perladangan yang mapan, kami sentiasa Minyak Sawit Mentah (MSM) dapat mencapai kira-kira 1,000,000 tan metrik setahun menjelang 2010 dengan pulangan melebihi RM250 juta, dan pada 2015 dianggarkan sebanyak 2,000,000 dengan pulangan melebihi RM500 juta.

### **Bahagian Penjagaan Kesihatan**

Bahagian Penjagaan Kesihatan kini beroperasi dengan tiga buah hospital iaitu Kelana Jaya Medical Centre (KJMC) yang terletak di LDP (Lebuhraya Damansara - Puchong), Kuantan Medical Centre (KMC) yang terletak di tengah Bandar Kuantan dan Kuala Terengganu Specialist Hospital (KTS) yang terletak di Jalan Kamaruddin, Kuala Terengganu.

Bahagian Penjagaan Kesihatan diinspirasikan atas keperluan perniagaan dan tanggungjawab sosial. Setiap pentadbir dan kakitangan memberikan rawatan dan penjagaan dengan penuh dedikasi. Hospital kami dilengkapi dengan kemudahan selengkapnya yang bertepatan dengan keperluan dan kepuasan pelanggan.

Kami menjanjikan "Perkhidmatan Tanpa Batasan" kerana setiap pelanggan akan menerima layanan sama rata tanpa mengira status ekonomi. Setiap hospital mempunyai kakitangan kesihatan yang menyediakan rawatan pesakit luar dan prosedur minor. Bahagian kecemasan kami beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan dilengkapi dengan ambulans yang sentiasa bersedia menerima panggilan kecemasan atau bukan kecemasan.

Kami mempunyai pelbagai perkhidmatan dan pakar yang merangkumi Kesihatan Awam, Pediatriks, Orthopediks, Pembedahan Awam, Radiologi, Obstetrik dan Ginekologi, ENT, Fisioterapi, Psikiatrik dan ahli Urologi serta khidmat sokongan bagi pelanggan. Kami menawarkan khidmat penjagaan kesihatan yang merangkumi pemeriksaan kesihatan dan pembedahan.

Bahagian Penjagaan Kesihatan meletakkan khidmat berkualiti tinggi tetapi mampu dinikmati oleh pelanggan. Kami menyediakan rawatan pada harga yang berpatutan, selaras dengan seruan kerajaan untuk meminimumkan kos rawatan kesihatan. Kami menekankan etika kerja di setiap hospital yang menjadi tunjang kejayaan untuk kami terus kukuh dalam bidang ini.

## PENILAIAN PERNIAGAAN ◀



*Rahsia rekod kecemerlangan kami sehingga kini banyak bergantung kepada keistimewaan setiap individu dalam pasukan kesihatan kami. Justeru itu, dengan sokongan yang penuh dedikasi dan ketekunan pihak pengurusan dan kakitangan, kami menjangkakan kecemerlangan dalam bidang ini pada masa akan datang.*

### **Bahagian Pemakanan**

*TD Poultry diasaskan di Terengganu pada tahun 1995 sebagai salah satu cabang bahagian pemakanan kami. TD Poultry dengan penuh yakin menyahut cabaran untuk menubuhkan satu syarikat berasaskan aktiviti pertanian dan menjadi pelopor dalam bidang penternakan di Pantai Timur.*

*Tugas utama TD Poultry ialah memenuhi keperluan daging halal di pasaran tempatan. Dengan peningkatan permintaan kepada daging halal di negara ini, TD Poultry pastinya akan menjadi pengeluar utama pasaran daging halal.*

*Kami menjangkakan peningkatan pengeluaran sebanyak 300,000 ekor ayam sehingga Disember 2008. Sehingga kini, kami mencatat pengeluaran sebanyak 230,000 ekor ayam sebulan. Sasaran kami ialah pengeluaran lebih 500,000 ekor ayam halal sebulan bagi keperluan tempatan.*

*Matlamat kami ialah untuk menyediakan ternakan yang mempunyai kualiti terbaik dengan harga berpatutan berbanding pengeluar lain. Kami akan terus menjalankan penyelidikan dan menggunakan kaedah yang inovatif bagi meningkatkan kualiti dan kesihatan hasil ternakan kami pada masa akan datang.*

## ▶ CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITIES

TDM Berhad ("TDM") recognises the increasing relevance and importance of Corporate Social Responsibility ("CSR") programmes to deliver an overall impact to all our stakeholders, including shareholders, society and the environment.

We also believe CSR plays an important role in ensuring sustainable growth whilst enhancing corporate governance practices and observing ethical standards.

	2007 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2006 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN -KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>				
Penerimaan daripada penerimaan jurubank	1,025	6,694	-	-
Pembayaran balik penerimaan amanah	(1,827)	(6,396)	-	-
Penerimaan pinjaman berjangka	20,593	1,500	20,401	-
Pembayaran balik pinjaman berjangka	(10,212)	(16)	(10,162)	-
Penerimaan pinjaman sewabeli	904	256	296	-
Pembayaran balik pemiutang sewabeli	(368)	(336)	(193)	(80)
Dividen dibayar kepada pemegang-pemegang syer	10	(4,311)	(4,311)	-
Tunai bersih dihasilkan daripada/ (digunakan dalam) kegiatan-kegiatan pembiayaan	5,804	1,702	6,031	(80)
<b>TAMBAHAN/(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>				
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	24,480	20,763	10,598	(2,087)
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	76,719	55,956	(4,749)	(2,662)
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	101,199	76,719	5,849	(4,749)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

*Kegiatan-kegiatan utama Syarikat adalah sebagai sebuah syarikat pemegang pelaburan, pembekal perkhidmatan pengurusan dan pengendalian ladang-ladang kelapa sawit. Kegiatan-kegiatan utama subsidiari-subsidiari dinyatakan di dalam Nota 14 kepada penyata kewangan.*

*Syarikat adalah sebuah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Aras 5, Bangunan UMNO Terengganu, Jalan Masjid Abidin, 20100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.*

*Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 8 April 2008.*

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

#### 2.1 Asas Penyediaan

*Penyata kewangan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan berkenaan di Malaysia. Bermula dari tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") baru dan dipinda yang mandatori bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2007 seperti dinyatakan di Nota 2.3.*

*Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah melainkan bangunan tertentu, kenderaan tertentu, loji dan jentera dan tanah milik bebas yang termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan dan perbelanjaan pembangunan perladangan yang termasuk di dalam aset biologi.*

*Penyata kewangan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan semua angka adalah dibundarkan kepada ribu ("RM'000") yang terdekat selain dinyatakan sebaliknya.*



## ▶ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting

##### (a) Subsidiari dan Asas Penyatuan

###### (i) Subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah entiti-entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti entiti-entiti tersebut. Kumpulan akan mengambilkira kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang boleh dilaksanakan atau boleh ditukar semasa menentukan kuasa ke atas syarikat lain.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan bersih daripada pelupusan dan jumlah yang dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

###### (ii) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan terdiri daripada penyata kewangan Syarikat dan kesemua subsidiari-subsidiarinya pada tarikh lembaran imbalan. Penyata kewangan subsidiari-subsidiari adalah disediakan bersamaan dengan tarikh laporan Syarikat.

Subsidiari-subsidiari disatukan dari tarikh berkuatkuasa pengambilalihan iaitu tarikh di mana Kumpulan mempunyai kuasa dan akan terus disatukan sehingga kuasa tersebut dilupuskan. Di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan, baki, urusan niaga, dan hasil atau rugi laba belum direalisasi di antara syarikat dalam Kumpulan dihapuskan sepenuhnya. Polisi-polisi perakaunan seragam diterimapakai dalam penyata kewangan disatukan bagi urusan niaga dan peristiwa yang sama.

Pengambilalihan subsidiari-subsidiari diakaunkan dengan kaedah pembelian. Kaedah perakaunan pembelian melibatkan pengagihan kos pengambilalihan kepada nilai saksama aset-aset diambilalih dan liabiliti-liabiliti, dan liabiliti luarjangka pada tarikh pengambilalihan. Kos pengambilalihan dinilai sebagai agregat nilai saksama pada tarikh pertukaran aset-aset diberikan, liabiliti-liabiliti berlaku atau dijangka dan instrumen ekuiti diterbitkan, ditambah kos-kos lain yang secara langsung disebabkan pengambilalihan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (a) Subsidiari dan Asas Penyatuan (Samb.)

##### (ii) Asas Penyatuan (Samb.)

Sebarang lebihan kos pengambilalihan dengan kepentingan Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luarjangka mewakili muhibah. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luarjangka dengan kos pengambilalihan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian serta merta.

Kepentingan minoriti merupakan bahagian keuntungan atau kerugian dan aset-aset bersih dalam subsidiari-subsidiari yang tidak dipegang oleh Kumpulan. Ianya dinilai saksama atas aset-aset dan liabiliti-liabiliti bahagian minoriti yang dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan dan atas perubahan dalam ekuiti subsidiari bahagian minoriti, selepas pengambilalihan.

##### (b) Syarikat Bersekutu

Kumpulan menganggap syarikat-syarikat bersekutu sebagai entiti-entiti di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan bukan subsidiari atau entiti usahasama. Ia mempunyai kuasa untuk terlibat dalam melaksanakan polisi - polisi penting berkaitan kewangan dan operasi melalui perwakilan pengurusan.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata pendapatan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah perakaunan ekuiti, perkongsian Kumpulan dalam keuntungan selepas pengambilalihan setelah ditolak kerugian syarikat-syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata pendapatan disatukan. Kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos berserta perkongsian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian terkumpul dan rizab terkumpul selepas pengambilalihan. Di mana terdapat perubahan yang dinyatakan di dalam ekuiti syarikat bersekutu, perubahan tersebut juga dinyatakan di dalam Kumpulan.

## ▶ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (b) Syarikat Bersekutu (Samb.)

Di dalam melaksanakan kaedah ekuiti, untung dan rugi belum direalisasikan ke atas transaksi di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu dihapuskan sehingga kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu. Selepas melaksanakan kaedah ekuiti, Kumpulan menentukan keperluan samada akan menyatakan sebarang pertambahan kerugian rosot nilai berkaitan dengan pelaburan bersih Kumpulan di dalam syarikat bersekutu. Syarikat bersekutu diekuitikan dari tarikh Kumpulan mendapat pengaruh yang ketara sehingga ke tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh yang ketara ke atas syarikat bersekutu.

Muhibah yang berkaitan dengan syarikat bersekutu dimasukkan ke dalam nilai di bawa pelaburan tersebut dan tidak dilunaskan. Sebarang lebihan daripada nilai semula dikreditkan ke rizab penilaian semula di dalam ekuiti; kecuali setakat pembalikan pengurangan penilaian semula untuk aset yang sama sebelum ini yang telah diiktiraf sebagai untung atau rugi, di mana pertambahan diiktiraf dalam untung atau rugi setakat pengurangan yang diiktiraf sebelum ini.

Apabila bahagian kerugian kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu bersamaan atau melebihi kepentingannya di dalam syarikat bersekutu, termasuk sebarang faedah jangka panjang terdiri sebahagian pelaburan bersih Kumpulan di dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak akan mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan mereka telah mengalami tanggungan atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Kumpulan menggunakan penyata pendapatan beraudit yang terkini untuk mengguna pakai kaedah perakaunan ekuiti. Di mana tarikh penyata pendapatan beraudit syarikat bersekutu yang digunakan tidak selari dengan penyata pendapatan Kumpulan, perkongsian hasil diambil kira daripada penyata pendapatan beraudit terakhir yang tersedia dan penyata pendapatan pengurusan sehingga akhir tempoh perakaunan tersebut. Polisi perakaunan seragam adalah digunapakai untuk urusan yang serupa dan keadaan - keadaan yang sama.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (b) Syarikat Bersekutu (Samb.)

*Dalam penyata pendapatan syarikat yang berasingan, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak sebarang rosot nilai kekal.*

*Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan bersih daripada pelupusan dan jumlah yang dibawa dikenakan atau dikreditkan ke penyata pendapatan.*

##### (c) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

*Kesemua hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Kos-kos berikutnya mengambilkira nilai dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan sekiranya sesuai, apabila sudah nyata bahawa manfaat ekonomi yang berhubung dengan sebarang urusan niaga akan menyalur ke Kumpulan dan kos boleh dikira dengan tepat. Nilai dibawa bagi bahagian diganti akan dinyahiktirafkan. Kesemua pembaikan dan peyelenggaraan akan diiktiraf ke penyata pendapatan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.*

*Selepas pengiktirafan, hartanah, loji dan peralatan kecuali bangunan, kenderaan tertentu, loji dan jentera dan tanah milik bebas yang termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.*

*Bangunan, kenderaan tertentu, tanah perladangan jangka panjang dan jangka pendek, loji dan jentera, tanah pegangpajak dan tanah milik bebas dinyatakan pada nilai semula, iaitu nilai saksama pada tarikh penilaian semula ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Nilai saksama adalah berdasarkan nilai pasaran yang dinilai oleh penilai profesional bebas yang layak.*

## ▶ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (c) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai (Samb.)

Nilaian semula dibuat sekurang - kurangnya sekali dalam tempoh setiap lima (5) tahun bagi memastikan nilai saksama sesuatu aset yang dinilai semula, tidak ketara perbezaannya daripada yang akan dinyatakan menggunakan nilai saksama pada tarikh lembaranimbangan. Sebarang lebihan daripada nilai semula dikreditkan ke rizab penilaian semula di dalam ekuiti; kecuali setakat pembalikan pengurangan penilaian semula untuk aset yang sama sebelum ini yang telah diiktiraf sebagai untung atau rugi, di mana pertambahan diiktiraf dalam untung atau rugi setakat pengurangan yang diiktiraf sebelum ini. Pengurangan dalam penilaian semula akan diselaraskan dengan lebihan daripada penilaian sebelum ini bagi aset yang sama dan baki selebihnya diiktiraf dalam untung atau rugi. Apabila aset yang dinilai semula dilupuskan atau telah susut sepenuhnya, sebarang rizab penilaian semula aset berkenaan akan dipindahkan ke perolehan tertahan.

Tanah milik bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad dan maka dengan itu ianya tidak disusutnilaikan. Kerja dalam perlaksanaan tidak disusutnilaikan kerana aset tersebut masih tidak tersedia digunakan lagi. Susutnilai bagi lain-lain hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaan pada kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	5% - 10%
Loji, jentera, peralatan, kenderaan dan pengubahsuaian	5% - 20%
Reban dan kandang ternakan	10% - 33.3%

Nilai sisa, hayat kegunaan dan kaedah susutnilai dikaji semula pada setiap akhir tahun bagi memastikan amaun, kaedah dan tempoh susutnilai adalah konsisten dengan anggaran terdahulu dan anggaran corak penggunaan manfaat ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan tersebut.

Sesuatu hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf selepas dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi dijangkakan dari penggunaan atau pelupusannya. Sekiranya ada, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bersih diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dan bahagian lebihan penilaian semula yang belum digunakan terus dimasukkan dalam perolehan tertahan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (d) Aset Biologi

##### (i) Perbelanjaan Pembangunan Perladangan

Perbelanjaan pembangunan ladang terdiri daripada kos penanaman yang dibelanjakan dari permulaan pembangunan sehingga tarikh kematangan tanaman.

Susulan daripada pengiktirafan, perbelanjaan pembangunan perladangan dinyatakan pada nilai semula, iaitu nilai saksama pada tarikh penilaian semula ditolak kerugian rosot nilai terkumpul. Nilai saksama adalah berdasarkan nilai pasaran yang dinilai oleh penilai profesional bebas. Nilai semula dibuat sekurang - kurangnya sekali dalam tempoh setiap lima tahun bagi memastikan nilai saksama sesuatu aset yang dinilai semula, tidak ketara perbezaannya daripada yang akan dinyatakan menggunakan nilai saksama pada tarikh lembaran imbang. Sebarang lebih daripada penilaian semula dikreditkan ke rizab penilaian semula di dalam ekuiti; kecuali setakat pembalikan pengurangan penilaian semula untuk aset yang sama sebelum ini yang telah diiktiraf sebagai untung atau rugi, di mana pertambahan diiktiraf dalam untung atau rugi setakat pengurangan yang diiktiraf sebelum ini. Pengurangan dalam penilaian semula akan diselaraskan dengan lebih daripada penilaian sebelum ini bagi aset yang sama dan baki selebihnya diiktiraf dalam untung atau rugi. Apabila aset yang dinilai semula dilupuskan atau telah susut sepenuhnya, sebarang rizab penilaian semula aset berkenaan akan dipindahkan ke perolehan tertahan.

##### (ii) Ternakan

Ternakan merupakan perbelanjaan tertunda yang dikenakan ke atas stok baka sehingga ianya matang. Perbelanjaan tertunda akan dilupuskan berdasarkan purata kitaran pengeluaran stok baka.

Stok baka di bawa pada harga terendah di antara kos atau nilai pasaran yang ditentukan atas asas agregat. Kos ditentukan atas asas purata wajar manakala nilai pasaran ditentukan berdasarkan pada harga jualan bersih semasa. Pada pelupusan ternakan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dengan nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

## ► NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (e) Kos Pembangunan Hartanah

*Kos pembangunan hartanah mengandungi kos-kos terlibat secara langsung kepada aktiviti-aktiviti pembangunan atau yang boleh diagihkan secara munasabah aktiviti-aktiviti tersebut.*

*Apabila hasil aktiviti pembangunan boleh dianggarkan dengan sewajarnya, hasil dan kos pembangunan hartanah diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan merujuk kepada kaedah peringkat penyiapan. Peringkat penyiapan diukur dengan merujuk kepada pembahagian kos pembangunan hartanah yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos pembangunan hartanah.*

*Apabila hasil pembangunan hartanah tidak boleh dianggarkan dengan sewajarnya, hasil pembangunan hartanah diiktiraf setakat kos pembangunan hartanah yang ditanggung yang mungkin akan boleh diperolehi semula, dan kos pembangunan hartanah bagi hartanah dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ia dikenakan.*

*Sebarang kerugian yang dijangka atas projek pembangunan termasuk tempoh tanggungan liabiliti diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.*

*Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan akan diiktiraf sebagai aset yang dinilai pada harga terendah di antara kos dan nilai bersih boleh realis.*

*Lebih hasil diiktiraf di dalam penyata pendapatan daripada bayaran kepada pembeli akan ditunjukkan sebagai bayaran terhutang di dalam penghutang perdagangan manakala lebih bayaran kepada pembeli daripada hasil diiktiraf di dalam penyata pendapatan, akan ditunjukkan sebagai bayaran kemajuan di dalam pemiutang perdagangan.*

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (f) Rosotnilai Aset-Aset Bukan Kewangan

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Kumpulan mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya, selain daripada kos pembangunan hartanah, inventori dan aset cukai tertunda bagi menentukan samada terdapat sebarang petunjuk yang aset telah mengalami kerugian rosotnilai. Jika sebarang petunjuk rosotnilai wujud, ianya dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan nilai yang boleh diperolehi dari aset tersebut.

Bagi muhibah, aset tidak ketara yang mempunyai jangka hayat tidak terhad, nilai yang boleh diperolehi dianggarkan pada setiap tarikh lembaran imbangan atau lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan nilai dibawa mungkin mengalami kerugian rosotnilai.

Bagi tujuan menguji rosotnilai aset, nilai boleh diperolehi adalah berdasarkan asas aset individu melainkan aset tidak menjana aliran tunai yang tidak bergantung sepenuhnya kepada aset-aset lain. Dalam kes ini, nilai boleh diperolehi adalah berdasarkan unit penjana tunai (CGU) kepada aset dipunyai tersebut. Muhibah diperolehi dalam kombinasi perniagaan dari tarikh pengambilalihan diagihkan kepada setiap CGU Kumpulan atau kumpulan-kumpulan CGU yang dijangka dimanfaatkan dari kombinasi sinergi, tanpa mengira samada lain-lain aset atau liabiliti Kumpulan diserahkan kepada unit-unit tersebut atau kumpulan-kumpulan unit.

Nilai boleh diperolehi aset adalah nilai yang mana lebih tinggi di antara nilai aset atau nilai saksama CGU ditolak kos dijual dengan nilai boleh digunakan. Dalam mentaksir nilai boleh digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai kini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menunjukkan nilai masa tunai dalam pasaran semasa dan risiko tertentu kepada aset. Di mana nilai dibawa aset melebihi nilai boleh diperolehi, aset dianggap telah rosotnilai dan dikurangkan nilai kepada nilai boleh diperolehi. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi CGU atau kumpulan CGU diagihkan terdahulu bagi mengurangkan nilai dibawa dan sebarang muhibah kepada unit-unit atau kumpulan-kumpulan unit dan kemudiannya dikurangkan secara purata kepada nilai dibawa aset-aset lain.

Rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi bagi tempoh di mana ianya berlaku melainkan aset dibawa pada amaun yang dinilai semula yang mana rosotnilai diambilkira sebagai kurangan penilaian semula setakat mana rosotnilai tersebut tidak melebihi amaun aset yang sama di dalam rizab penilaian semula.



## ▶ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (f) Rosotnilai Aset-Aset Bukan Kewangan (Samb.)

Rosotnilai muhibah tidak dibalikkan semula dalam tempoh berikutnya. Rosotnilai selain daripada muhibah dibalikkan semula sekiranya ada perubahan anggaran digunakan bagi menentukan nilai boleh diperolehi dari rosotnilai diiktiraf terdahulu. Nilai dibawa bagi aset selain daripada muhibah akan ditambah kepada nilai boleh diperolehi yang dipinda, sekiranya amaun ini tidak melebihi nilai dibawa (ditolak susutnilai atau pelunasan) yang ditentukan sekiranya tiada rosotnilai diiktiraf bagi aset dalam tahun-tahun terdahulu. Pembalikan rosotnilai bagi aset selain muhibah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun penilaian semula yang mana dalam kes tersebut pembalikan ditunjukkan sebagai tambahan dalam penilaian semula.

##### (g) Inventori

Inventori dinyatakan pada yang terendah antara kos (ditentukan pada asas sebenar) dan nilai boleh realis bersih. Dalam memperolehi nilai realis bersih, peruntukan dibuat untuk semua inventori lapuk dan item-item yang bergerak perlahan. Kos-kos termasuk harga belian bahan dan perbelanjaan yang berkaitan.

Nilai boleh realis bersih merupakan harga jualan bagi anggaran di dalam urusniaga biasa perniagaan ditolak semua kos anggaran yang perlu ditanggung untuk melakukan jualan.

##### (h) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen berkenaan.

Instrumen kewangan adalah diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut peruntukan dalam perjanjian kontrak. Faedah, dividen, laba dan kerugian berkenaan dengan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai ekuiti dikenakan terus ke ekuiti. Instrumen kewangan dikontra apabila Kumpulan mempunyai hak mengikut undang-undang dan berniat untuk menyelesaikannya secara bersih atau dengan merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (h) Instrumen Kewangan (Samb.)

###### (i) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai termasuk tunai di tangan dan di bank, deposit tetap dan deposit dipanggil, ditolak baki overdraf bank.

###### (ii) Pelaburan Lain Bukan Semasa

Pelaburan lain bukan semasa selain daripada pelaburan dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti-entiti yang dikawal bersama adalah dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Apabila pelaburan dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

###### (iii) Sekuriti Boleh Pasar

Sekuriti boleh pasar dibawa pada harga terendah di antara kos ditolak sebarang rosotnilai kekal. Kos ditentukan atas asas purata wajaran manakala nilai pasaran ditentukan berdasarkan nilai pasaran dicatat. Tambahan atau kurangan dalam jumlah dibawa bagi sekuriti boleh pasar diiktiraf dalam untung atau rugi. Semasa sekuriti boleh pasar dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf dalam untung atau rugi.

###### (iv) Penghutang

Penghutang dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan kajian semula ke atas semua jumlah yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbalan.

###### (v) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos, iaitu pada nilai saksama balasan yang akan dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

## ▶ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (h) Instrumen Kewangan (Samb.)

###### (vi) Pinjaman Berfaedah

Semua pinjaman pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama pada jumlah hasil diterima ditolak kos urusan secara langsung. Selepas diiktiraf, faedah pinjaman dinilai pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

###### (vii) Instrumen Kewangan Derivatif

Syarikat menggunakan instrumen kewangan derivatif, terutamanya kontrak-kontrak komoditi masa hadapan. Keuntungan atau kerugian timbul daripada kontrak-kontrak yang dimasukkan sebagai sandaran yang telah dianggarkan urusan ditunda sehingga ke tarikh urusan tersebut, yang mana masa dikenakan termasuk pengukuran urusan-urusan tersebut. Keuntungan dan kerugian kontrak-kontrak tidak lagi ditentukan sebagai sandaran dimasukkan di dalam penyata pendapatan.

###### (viii) Instrumen Ekuiti

Syer biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen atas syer biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh di mana ia diisytiharkan.

Kos urusan daripada urusan ekuiti diakaunkan sebagai kurangan dalam ekuiti, bersih selepas cukai. Kos urusan ekuiti merangkumi hanya kos luaran tambahan berkaitan urusan ekuiti yang mana sepatutnya boleh dielakkan.

Kos bayaran termasuk kos transaksi berkaitan bagi pembelian semula syer Syarikat yang belum dibatalkan di klasifikasikan sebagai kos syer perbendaharaan dan ditunjukkan sebagai potongan ekuiti. Tiada untung atau rugi diiktiraf dalam penyata pendapatan pada masa jualan, penerbitan semula atau pembatalan syer-syer perbendaharaan. Semasa syer-syer perbendaharaan diterbitkan semula secara pembelian semula, perbezaan di antara balasan jualan dan nilai bawa syer-syer perbendaharaan ditunjukkan sebagai pergerakan dalam ekuiti.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (i) Kos Pinjaman

*Kos pinjaman yang secara langsung berkait dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak, di mana aset ini mengambil tempoh masa yang agak lama untuk sampai ke tahap untuk digunakan atau dijual akan diambil kira sebagai sebahagian daripada kos aset, sehingga masa aset sedia untuk digunakan atau dijual. Untuk pinjaman yang khas bagi tujuan memperolehi aset layak, jumlah kos pinjaman yang layak untuk diambil kira ialah kos pinjaman yang benar-benar digunakan untuk pinjaman tersebut ditolak sebarang pendapatan pelaburan bagi pelaburan sementara pinjaman tersebut.*

*Semua kos pinjaman yang lain diiktiraf di dalam penyata pendapatan sebagai kos pada masa ia digunakan.*

##### (j) Cukai Pendapatan

*Cukai pendapatan yang dikenakan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan adalah terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah amaun cukai pendapatan yang dijangkakan perlu dibayar ke atas keuntungan bercukai bagi tahun kewangan dan dianggarkan mengikut kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbalan.*

*Cukai tertunda diperuntukkan melalui kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara di antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai dibawa dalam penyata kewangan. Menurut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan sementara yang tertakluk kepada cukai manakala aset cukai tertunda pula diiktiraf untuk semua perbezaan sementara, baki kerugian bercukai dan baki kredit cukai yang belum digunakan sekiranya kemungkinan terdapat keuntungan bercukai yang boleh digunakan ke atas perbezaan sementara yang dibenarkan, baki kerugian bercukai dan baki kredit cukai.*

*Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada masa aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berasaskan kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbalan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan kecuali jika ia adalah dihasilkan daripada transaksi yang diiktiraf terus di dalam ekuiti, di mana cukai tertunda itu dicajkan atau dikreditkan terus ke ekuiti, atau ia adalah hasil daripada penggabungan perniagaan yang berkaitan dengan pengambilalihan, di mana cukai tertunda akan disertakan di dalam muhibah atau muhibah negatif yang terhasil.*

## ▶ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (k) Peruntukan Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi kini hasil daripada kejadian lampau dan kemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat. Peruntukan dikaji pada setiap tarikh lembaran imbalan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Jika kesan nilai masa wang adalah penting, jumlah peruntukan adalah didiskaun pada kadar pra-cukai yang mencerminkan risiko khusus yang ditanggung. Bila kaedah mendiskaun digunakan, tambahan kepada peruntukan kerana jangka masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

##### (l) Manfaat Pekerja

###### (i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkenaan diberi oleh pekerja Kumpulan. Cuti berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh pekerja yang meningkatkan hak mereka kepada cuti berbayar di masa hadapan, dan cuti berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila cuti berlaku.

###### (ii) Rancangan Caruman Tertentu

Rancangan caruman tertentu adalah rancangan manfaat persaraan yang mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada syarikat berasingan atau tabung dan tidak mempunyai sebarang tanggungjawab disisi undang-undang atau tanggungan konstruktif untuk meneruskan bayaran caruman sekiranya mana-mana tabung tidak mempunyai aset yang mencukupi berkaitan khidmat pekerja dalam tahun kewangan semasa dan terdahulu. Caruman berkenaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam untung dan rugi apabila berlaku. Seperti yang termaktub di dalam undang-undang, Kumpulan perlu membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (l) Manfaat Pekerja (Samb.)

##### (iii) Rancangan Manfaat Tertentu

Kumpulan mengendalikan satu manfaat tertentu Skim Manfaat Persaraan ("Skim") yang tidak dibiayai untuk pekerja yang layak. Tanggungan Kumpulan di bawah Skim ini adalah ditentukan menggunakan Kaedah Peramalan Unit Kredit berdasarkan kepada penilaian aktuari bebas di mana jumlah manfaat yang telah diganjarkan kepada pekerja sebagai pulangan bagi perkhidmatan mereka bagi tahun semasa dan tahun sebelumnya dianggarkan. Manfaat tersebut didiskaunkan untuk menentukan nilai kininya.

Keuntungan atau kerugian aktuari diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan kepada anggaran purata hayat kerja pekerja apabila keuntungan atau kerugian aktuari terkumpul tidak diiktiraf bagi Skim melebihi 10% dari yang tertinggi dari nilai kini obligasi rancangan manfaat dan nilai saksama rancangan aset. Kos khidmat terdahulu diiktiraf serta merta setakat mana manfaat telah diletak hak dan ataupun dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh purata sehingga manfaat pindaan diletak hak.

Amaun diiktiraf dalam lembaran imbangan mewakili nilai kini rancangan manfaat tertentu dilaraskan bagi keuntungan atau kerugian aktuari dan kos khidmat terdahulu tidak diiktiraf, dan dikurangkan oleh nilai saksama rancangan aset. Sebarang aset terhasil daripada pengiraan ini adalah terhad kepada jumlah bersih dari kerugian aktuari tidak diiktiraf dan kos khidmat terdahulu, dan nilai kini manfaat ekonomi dalam bentuk pulangan atau pengurangan caruman rancangan di masa hadapan.

##### (m) Matawang Asing

##### (i) Fungsi dan Pembentangan Matawang

Penyata kewangan individu setiap syarikat di dalam Kumpulan dinilai menggunakan matawang utama persekitaran ekonomi di mana syarikat beroperasi ("fungsi matawang"). Penyata kewangan disatukan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang mana adalah juga fungsi matawang Syarikat.

## ▶ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (m) Matawang Asing (Samb.)

##### (ii) Urusniaga Matawang Asing

Di dalam penyediaan penyata kewangan individu entiti, urusniaga dalam matawang asing selain daripada matawang fungsi entiti (matawang asing) adalah diambilkira dalam matawang fungsi dengan menggunakan kadar tukaran wang asing pada tarikh urusniaga. Pada setiap tarikh lembaran imbangan, butiran kewangan yang telah dibentangkan dalam matawang asing diterjemahkan pada kadar tukaran wang asing pada tarikh lembaran imbangan.

Butiran bukan kewangan yang dinilai dengan nilai saksama dibentangkan dalam matawang asing diterjemahkan pada kadar tukaran wang asing pada tarikh nilai saksama ditentukan. Butiran bukan kewangan yang dicatat pada kos sejarah dalam matawang asing adalah tidak diterjemahkan.

Tukaran wang asing yang terbit dari penyelesaian butiran kewangan dan dari terjemahan semula butiran kewangan, akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan bagi tempoh tersebut kecuali untuk perbezaan tukaran yang terbit dari butiran kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing Kumpulan.

Perbezaan tukaran yang terbit dari butiran kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing Kumpulan di mana butiran kewangan tersebut diterjemahkan dalam sama ada matawang fungsi entiti pelapor atau operasi asing, akan diambil secara terus dari rizab tukaran wang asing di dalam ekuiti sehingga pelupusan operasi tersebut, di mana ia akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Perbezaan tukaran yang terbit dari butiran kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing Kumpulan di mana butiran kewangan tersebut diterjemahkan dalam matawang selain daripada matawang fungsi sama ada entiti pelapor atau operasi asing, akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Perbezaan tukaran yang terbit dari butiran kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing Syarikat, tanpa menghiraukan matawang butiran kewangan, akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan atau penyata kewangan operasi asing, mengikut kesesuaian.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (m) Matawang Asing (Samb.)

##### (ii) Urusniaga Matawang Asing (Samb.)

Tukaran wang asing yang terbit daripada terjemahan item bukan kewangan yang dibawa dari nilai saksama akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan bagi tempoh tersebut kecuali untuk perbezaan yang terbit daripada item bukan kewangan yang berkaitan dengan untung dan rugi yang diiktiraf secara terus ke dalam ekuiti. Perbezaan tukaran wang asing yang terbit daripada item bukan kewangan akan terus juga diiktiraf di dalam ekuiti.

##### (iii) Kendalian Asing

Hasil dan kedudukan kewangan kendalian asing yang mempunyai matawang fungsi berbeza daripada matawang pembentangan (RM) penyata kewangan disatukan diterjemahkan dalam RM seperti berikut:

- Aset dan liabiliti untuk setiap lembaranimbangan dibentangkan diterjemahkan pada kadar penutup lazim pada tarikh lembaranimbangan;
- Hasil dan perbelanjaan untuk setiap penyata pendapatan diterjemahkan pada kadar purata tukaran matawang asing sepanjang tahun, yang menghampiri kadar tukaran pada tarikh urusniaga; dan
- Semua hasil perbezaan tukaran yang terbit diambil ke rezab terjemahan matawang asing dalam ekuiti.

Pelarasan muhibah dan nilai saksama yang terbit ke atas pengambilalihan kendalian asing pada atau selepas 1 Januari 2007 ditunjukkan sebagai aset dan liabiliti kendalian asing dan diterjemahkan kepada kadar penutup pada tarikh lembaranimbangan. Pelarasan muhibah dan nilai saksama yang telah terbit ke atas pengambilalihan subsidiari-subsidiari asing sebelum 1 Januari 2007 dianggap aset dan liabiliti kepada syarikat induk dan direkod dalam RM pada kadar lazim pada tarikh pengambilalihan.



## ▶ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (n) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila sudah nyata bahawa manfaat ekonomi yang berhubung dengan urusanniaga akan menyalur ke Kumpulan, dan jumlah pendapatan boleh dikira dengan pasti. Berikut adalah kriteria spesifik pengiktirafan yang perlu ada sebelum pendapatan diiktiraf:

##### (i) Jualan Barang-barang

Pendapatan berkaitan dengan jualan barangniaga diiktiraf bersih daripada cukai jualan, apabila risiko dan manfaat dipindahkan kepada pembeli.

##### (ii) Pendapatan Perkhidmatan

Pendapatan dari perkhidmatan yang diberi diiktiraf selepas cukai perkhidmatan dan diskaun bilamana perkhidmatan dilakukan.

##### (iii) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan akruan menggunakan kadar faedah berkesan.

##### (iv) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang syer untuk menerima bayaran telah terbukti.

##### (v) Yuran Pengurusan

Yuran pengurusan diiktiraf bila perkhidmatan dijalankan.

##### (o) Muhibah

Muhibah diperoleh dalam kombinasi perniagaan pada mulanya dinilai pada kos yang merupakan lebih kos kombinasi perniagaan oleh kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luarjangka yang dikenalpasti. Selepas dikenalpasti, muhibah dinilai pada kos setelah ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Muhibah tidak dilunaskan tetapi diteliti bagi rosotnilai secara tahunan atau lebih kerap sekiranya berlaku peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang boleh menyebabkan nilai dibawa dirosotnilai. Untung atau rugi atas pelupusan entiti adalah termasuk nilai muhibah dibawa dalam entiti yang dijual.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.2 Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

##### (p) Pajakan

##### (i) Pengelasan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika kesemua risiko dan manfaat berkenaan dengan hakmilik dipindahkan secara besarnya kepada Kumpulan. Pajakan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan sama seperti pajakan aset-aset lain dan elemen tanah dan bangunan secara berasingan bagi tujuan pengelasan pajakan.

##### (ii) Pajakan kewangan - Kumpulan sebagai penerima pajak

Aset yang diperolehi secara sewabeli atau pajakan kewangan dinyatakan pada jumlah yang bersamaan dengan nilai saksama atau bayaran nilai kini minima pajakan pada permulaan pajakan, yang mana lebih rendah, setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti yang berkaitan dimasukkan di dalam lembaranimbangan sebagai pinjaman. Dalam pengiraan bayaran nilai kini minima pajakan, faktor diskaun yang digunakan adalah kadar faedah yang tersirat dalam pajakan, jika ia adalah praktikal untuk ditentukan; atau sebaliknya, kadar pinjaman tambahan Syarikat akan digunakan. Sebarang kos permulaan secara langsung juga ditambah kepada nilai dibawa oleh aset berkenaan.

Bayaran pajakan diagihkan di antara kos kewangan dan kurangan liabiliti tertunggak. Kos kewangan, yang merupakan perbezaan di antara jumlah komitmen pajakan dan nilai saksama perolehan aset, diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan di sepanjang jangka masa pajakan tersebut untuk membolehkan penghasilan satu kadar tempoh faedah yang berkala ke atas baki obligasi bagi setiap tempoh perakaunan.

Polisi susutnilai bagi aset pajakan adalah sejajar dengan susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan di Nota 2.2(c).

## ▶ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.3 Perubahan dalam Polisi-Polisi Perakaunan dan Kesan daripada Menerima Pakai FRS Baru dan Pindaan

Pada 1 Januari 2007, Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai FRS pindaan yang berikut:

(i) FRS 117	: Pajak
(ii) Pindaan kepada FRS 119 <sub>2004</sub>	: Manfaat Pekerja - Keuntungan dan Kerugian Aktuari Pelan Kumpulan dan Pendedahan
(iii) FRS 124	: Pembentangan Pihak Berkaitan
(iv) FRS 6	: Penerokaan dan Penilaian Sumber Mineral

Tambahan dengan itu, Kumpulan telah menerima pakai lebih awal pindaan FRS 112 - Cukai Pendapatan bagi tahun kewangan bermula dari 1 Januari 2007.

Pada tarikh kelulusan untuk penyata kewangan, FRS baru dan dipinda, pindaan kepada FRS dan Interpretasi Jawatankuasa Terbitan ("Issues Committee" atau "IC" Interpretations) berikut telah dibentangkan tetapi belum berkuatkuasa dan tidak diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat:

<i>FRS, Pindaan kepada FRS dan Interpretasi</i>	<i>Berkuatkuasa untuk tempoh kewangan bermula dari atau selepas</i>
FRS 107: Penyata Aliran Tunai	1 Julai 2007
FRS 111: Kontrak Pembinaan	1 Julai 2007
FRS 118: Pendapatan	1 Julai 2007
FRS 120: Perakaunan untuk Pemberian Geran daripada Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan	1 Julai 2007
FRS 134: Laporan Kewangan Interim	1 Julai 2007
FRS 137: Peruntukan, Liabiliti Luarjangka dan Aset Luarjangka	1 Julai 2007
FRS 139: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Penilaian	Ditunda

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.3 Perubahan dalam Polisi-Polisi Perakaunan dan Kesan daripada Menerima Pakai FRS Baru dan Pindaan (Samb.)

<i>FRS, Pindaan kepada FRS dan Interpretasi</i>	<i>Berkuasakuasa untuk tempoh kewangan bermula dari atau selepas</i>
<i>Pindaan kepada FRS 121: Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Matawang Asing- Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing.</i>	<i>1 Julai 2007</i>
<i>IC Interpretasi 1: Perubahan dalam Penghapusan yang Sedia Ada, Pembaikpulihan dan Liabiliti-Liabiliti yang Seakan Sama Dengannya.</i>	<i>1 Julai 2007</i>
<i>IC Interpretasi 2: Saham Ahli-ahli di dalam Entiti Koperasi dan Instrumen-Instrumen Seakan Sama Dengannya.</i>	<i>1 Julai 2007</i>
<i>IC Interpretasi 5: Hak untuk Faedah akibat Penghapusan, Pembaikpulihan dan Dana Pemulihan Persekitaran</i>	<i>1 Julai 2007</i>
<i>IC Interpretasi 6: Liabiliti akibat Menyertai di dalam satu Pasaran Khusus – Peralatan Elektrik dan Elektronik Buangan</i>	<i>1 Julai 2007</i>
<i>IC Interpretasi 7: Menggunakan Kaedah Penyataan Semula di bawah FRS 129<sub>2004</sub> – Laporan Kewangan di dalam Ekonomi Inflasi Terlampau</i>	<i>1 Julai 2007</i>
<i>IC Interpretasi 8: Bidang FRS 2 Bayaran Berasaskan Syer</i>	<i>1 Julai 2007</i>

*Penggunaan permulaan FRS baru dan dipinda, pindaan kepada FRS dan Interpretasi di atas dijangkakan tidak membawa kesan penting ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.*

*Kumpulan dan Syarikat dikecualikan daripada menyatakan kesan kemungkinan, jika ada kepada penyata kewangan semasa penggunaan permulaan FRS 139.*

## ▶ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.3 Perubahan dalam Polisi-Polisi Perakaunan dan Kesan daripada Menerima Pakai FRS Baru dan Pindaan (Samb.)

Penerimaan pakai FRS 124 dan pindaan bagi FRS 119<sub>2004</sub> menyebabkan tambahan pendedahan tetapi tidak membawa kepada perubahan penting dalam polisi-polisi perakaunan Kumpulan dan Syarikat. FRS 6: Penerokaan dan Penilaian Sumber Mineral tidak berkaitan dengan operasi Kumpulan atau Syarikat.

Perubahan utama dalam polisi-polisi perakaunan dan kesan-kesan penerimaan pakai daripada FRS 112, FRS 117 dan pindaan kepada FRS 119<sub>2004</sub> dibincangkan di bawah:

##### (a) FRS 112: Cukai Pendapatan

Sebelum 1 Januari 2007, aset cukai tertunda pada elaun pelaburan semula belum digunakan tidak diiktiraf. Penerimaan pakai FRS 112 telah diambil kira secara restrospektif dan dibentangkan dalam Nota 2.3(d), sesetengah angka-angka perbandingan pada 31 Disember 2006 telah dinyatakan semula seperti yang dinyatakan di Nota 2.3(e).

##### (b) FRS 117: Pajakan

###### *Tanah pegang pajak dipegang bagi kegunaan sendiri*

Sebelum 1 Januari 2007, tanah pegang pajak bagi kegunaan sendiri dikelaskan sebagai hartanah, loji dan peralatan dan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Penerimaan pakai pindaan FRS 117 telah menyebabkan perubahan dalam polisi perakaunan berkaitan pajakan tanah dan bangunan. Pajakan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan sama seperti pajakan aset-aset lain dan elemen tanah dan bangunan secara berasingan bagi tujuan pengkelasan pajakan. Tanah pegang pajak bagi kegunaan sendiri kini dikelaskan sebagai pajakan operasi dan bila perlu, bayaran minimum pajakan atau pembayaran terdahulu diagihkan di antara elemen tanah dan bangunan dalam pengagihan kepada nilai saksama bagi kepentingan pegang pajak bagi elemen tanah dan bangunan pajakan pada permulaan pajakan. Pembayaran terdahulu mewakili bayaran sewa pajak tanah prabayar dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka masa pajakan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.3 Perubahan dalam Polisi-Polisi Perakaunan dan Kesan daripada Menerima Pakai FRS Baru dan Pindaan (Samb.)

##### (b) FRS 117: Pajakan (Samb.)

###### *Tanah pegang pajak dipegang bagi kegunaan sendiri*

Kumpulan telah menerimapakai perubahan polisi perakaunan bagi tanah pegang pajak mengikut peruntukan transisi FRS 117. Pada 1 Januari 2007, amaun tanah pegang pajak yang belum dilunaskan ditahan sebagai nilai pemangku pada nilai dibawa sewa pajakan terdahulu, seperti yang dibenarkan oleh peruntukan transisi. Pengelasan tanah pegang pajak sebagai pembayaran sewa pajak tanah prabayar telah diambilkira secara retrospektif. Tiada kesan ke atas penyata pendapatan disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan penyata kewangan Syarikat.

##### (c) Pindaan kepada FRS 119<sub>2004</sub>: Manfaat Pekerja – Keuntungan dan Kerugian Aktuari, Rancangan Kumpulan dan Penyataan

Pindaan ini memperkenalkan opsyen pendekatan pengiktirafan alternatif bagi keuntungan dan kerugian aktuari yang timbul dari rancangan manfaat persaraan tertentu. Ia mungkin mengenakan tambahan keperluan pengiktirafan bagi, pelbagai rancangan majikan bilamana maklumat yang ada tidak mencukupi untuk melaksanakan perakaunan manfaat tertentu. Ia juga akan menambah keperluan pembentangan. Memandangkan Kumpulan tidak berhasrat untuk menukar polisi perakaunan diterimapakai untuk pengiktirafan keuntungan dan kerugian aktuari dan tidak terlibat dalam mana-mana pelbagai rancangan majikan, menerima pakai pindaan ini hanya memberi kesan kepada format dan pembentangan di penyata kewangan.

## ▶ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.3 Perubahan dalam Polisi-Polisi Perakaunan dan Kesan daripada Menerima Pakai FRS Baru dan Pindaan (Samb.)

##### (d) Ringkasan Kesan dan Perubahan daripada Menerima Pakai FRS Baru dan Pindaan

Jadual berikut menunjukkan setakat mana setiap perkara dalam lembaranimbangan pada tahun lepas samada lebih tinggi atau rendah dari apa yang sepatutnya sekiranya polisi-polisi terdahulu telah digunakan bagi tahun semasa:

##### (i) Kesan ke atas lembaranimbangan disatukan pada 31 Disember 2007

Tambahan/(Kurangan)

Huraian Perubahan	FRS 117 Note 2.3 (b) RM'000
-------------------	-----------------------------------

##### Kumpulan

Hartanah, loji dan peralatan	(173,748)
Bayaran sewa pajak tanah prabayar	173,748

##### Syarikat

Hartanah, loji dan peralatan	(30,107)
Bayaran sewa pajak tanah prabayar	30,107

##### (ii) Kesan ke atas penyata pendapatan disatukan pada 31 Disember 2006

Tambahan/(Kurangan)

Huraian Perubahan	FRS 112 Note 2.3 (a) RM'000
-------------------	-----------------------------------

Perbelanjaan cukai	(2,928)
Keuntungan bagi tahun	2,928

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.3 Perubahan dalam Polisi-Polisi Perakaunan dan Kesan daripada Menerima Pakai FRS Baru dan Pindaan (Samb.)

##### (e) Perbandingan Dinyatakan Semula

Berikut adalah angka-angka perbandingan yang telah dinyatakan semula hasil daripada menerima pakai FRS 112, FRS 117 dan pelarasan tahun lepas:

	Sebagaimana dinyatakan sebelum Ini	Tambahan/(Kurangan)			Sebagaimana dinyatakan semula
		FRS 112 Nota 2.3 (a)	FRS 117 Nota 2.3 (b)	Liabiliti cukai tertunda terkurang nyata pada tahun lepas RM'000	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>Huraian Perubahan Pada 31 Disember 2006</b>					
<b>Kumpulan</b>					
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	243,583	-	(163,898)	-	79,685
Bayaran sewa pajak tanah	-	-	163,898	-	163,898
Ekuiti dan liabiliti					
Perolehan tertahan	26,897	2,928	-	(6,852)	22,973
Liabiliti bukan semasa					
Liabiliti cukai tertunda	23,203	(2,928)	-	6,852	27,127
	<b>293,683</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>293,683</b>

	Sebagaimana dinyatakan sebelum Ini	Tambahan/(Kurangan)			Sebagaimana dinyatakan semula
		FRS 117 Nota 2.3 (b)	Liabiliti cukai tertunda terkurang nyata pada tahun lepas RM'000	RM'000	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>Syarikat</b>					
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	36,934	(30,876)	-	-	6,058
Bayaran sewa pajak tanah prabayar	-	30,876	-	-	30,876
Ekuiti dan liabiliti					
Kerugian terkumpul	(50,605)	-	(7,665)	-	(58,270)
Liabiliti bukan semasa					
Liabiliti cukai tertunda	5	-	7,665	-	7,670
	<b>(13,666)</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>(13,666)</b>



## ▶ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.4 Anggaran Perakaunan Ketara dan Pernilaian

##### (a) Sumber Utama Untuk Ketidakpastian Anggaran

